



PENDUDUK kampung melihat kesan banjir lumpur di Kampung Malangkap.

2 JAMBATAN HANYUT

■ 700 penduduk di Kampung Malangkap Baru dan Melangkap Tiong terputus hubungan dilanda banjir lumpur

Oleh Junaidi Ladjana
junaidi_ladjana@hmetro.com.my
Kota Belud

Hujan lebat berterusan sejak Isnin lalu menyebabkan dua jambatan termasuk satu daripadanya yang baru dibina di Kampung Malangkap, di sini, semalam dihanyutkan banjir lumpur.

Kejadian disedari kira-kira jam 7 pagi itu menjejaskan kira-kira 800 penduduk di Kampung Malangkap Baru dan Melangkap Tiong yang turut terputus hubungan.

Tinjauan Harian Metro mendapati, kebanyakan jalan raya di dua perkampungan itu dipenuhi lumpur manakala satu jambatan besi yang baru dibina turut dihanyutkan banjir berikutan limpahan air dari Sungai Kadamaian.

Bagaimanapun, sehingga kini tiada sebarang perpindahan penduduk dilakukan dan beberapa agensi penguatkuasaan ditempatkan di lokasi kejadian bagi pemantauan.

Kejadian turut menyebabkan Sekolah Kebangsaan (SK) Malangkap ditutup sebagai langkah berjaga-jaga.

Pegawai Daerah Kota Belud Abdul Gari Itam berkata, banjir lumpur dipercayai berpunca akibat hujan lebat melanda negeri ini sejak beberapa hari lalu.

"Keadaan ini menyebabkan penduduk di dua perkampungan berhampiran kaki Gunung Kinabalu terjejas manakala sebuah sekolah rendah ditutup selain dua

jambatan yang baru dibaik pulih dihanyutkan banjir.

"Selain itu, sebuah inap desa turut digenangi lumpur, tetapi tiada kemalangan jiwa dilaporkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Abdul Gari, penduduk diarahkan bersiap sedia dan berwaspada selain berpindah ke kawasan selamat sekiranya keadaan semakin buruk.

Pemangku Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Belud Johnny Guston ketika dihubungi memaklumkan, sehingga kini tiada penduduk dipindahkan dan keadaan sungai masih terkawal.

"Bomba masih menjalankan pemantauan di lokasi kejadian selain memaklumkan kepada penduduk mengenai arahan berpindah jika keadaan tidak terkawal.

"Namun, sehingga kini, banjir lumpur yang melanda di kawasan itu masih terkawal dan bomba menempatkan anggota bagi pemantauan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Sabah Abdul Malik Tussin berkata, hujan dan ribut petir di beberapa daerah di negeri ini dijangka berterusan sehingga esok.

"Keadaan ini berlaku disebabkan tempas Taufan Soudelor yang membawa angin kencang berkelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (km/j) selain ombak mencapai ketinggian 3.5 meter di perairan pantai barat, Kudat serta Labuan.

FAKTA

Hujan dan ribut petir di beberapa daerah di Sabah dijangka berterusan sehingga esok

iMBAS
Imbas untuk video